



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN MIRI
Tingkat 4, Yu Lan Plaza
Jalan Brooke
98000 MIRI, SARAWAK
MALAYSIA

Tel : 085-442 183
Faks : 085-423 103
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANMIR/300/26/26(1)
Tarikh : 27 Oktober 2020

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

PENDAFTARAN PELANGGAN ASET BAGI PELUPUSAN ASET DENGAN HASIL

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sentiasa berusaha dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan. Seperti sedia maklum, Portal Pekeliling Perbendaharaan(PPP) A.M 2.7 para 11 telah menggariskan tatacara pelupusan aset kerajaan dengan hasil.

3. Selaras dengan itu, JANM Cawangan Miri adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan satu ID Pelanggan Aset bagi tujuan tersebut. Borang Daftar Pelanggan Aset beserta nota ringkas pelupusan aset dengan hasil ini boleh dimuat turun di portal rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Miri.

4. Diharapkan pihak tuan akan memberikan sepenuh kerjasama dalam menjayakan perlaksanaan urusan ini. Sebarang pertanyaan, pihak tuan adalah dinasihatkan untuk menghubungi Unit Pengurusan Aset, JANM Miri di talian 085-442175 atau 085-421589.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,


(MAURICE TAKAP) c.a.(M)
Pengarah Cawangan,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Miri.